

# Kajian: Lebih berjaya dapat tender jika kewangan SME mantap

► **NORHAIZA HASHIM**  
norhaiza@sph.com.sg

KEDUDUKAN kewangan sebuah syarikat mempunyai kaitan dengan tahap kejayaan syarikat itu dalam tender awam, menurut satu kajian syarikat analitik Vector Scorecard (VSC) Global dan kerjasama Sekolah Perniagaan Universiti Nasional Singapura (NUS).

Lantas, syarikat kecil dan sederhana (SME) harus lebih proaktif dalam menguruskan penyataimbangan mereka bagi memastikan mereka berjaya mendapat tender awam.

Sekitar 79 peratus daripada 1,279 kontrak yang diberikan oleh Kementerian di Singapura dimenangi SME dan bukan syarikat berbilang negara (MNC).

Kajian itu difahamkan merupakan kajian peringkat nasional pertama dijalan-

kan sebuah firma swasta.

Ia meliputi proses menilai perangkaan 11 kementerian, 16 industri dan 50 syarikat sejak 2012.

Kajian itu dibentangkan oleh Pengerah Serantau VSC Global, Cik Alaxys Liu, dalam satu seminar Rombakan Perniagaan di Sentosa Cove semalam.

Dalam kajian itu, VSC mengenal pasti hambatan yang dihadapi syarikat dan faedah yang boleh diraih oleh SME apabila mereka membida bagi projek awam.

“Kami dapati, berdasarkan pengalaman Singapura, terdapat kaitan positif yang kukuh antara projek-projek awam dengan perkembangan SME.

“Ia berbanding kaitan lebih sederhana di Australia, kaitan positif dan negatif di Britain dan kaitan yang negatif di Amerika,” ujar Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) VSC yang juga ketua hurai nasihat seja-



**ENCIK MUHD NAZRI MUHD**

gat, Encik Muhd Nazri Muhd.

“Apa yang kami dapati menarik ialah perangkaan lebih tinggi syarikat-syarikat yang diuruskan dengan baik atau mendapat penilaian kewangan tinggi telah dapat menguasai projek sektor awam walaupun kriteria kewangan tidak ditetapkan.”

Melalui kajian itu, Cik Liu berkata banyak dasar atau program berguna dapat dilakarkan bagi mendorong SME membaiki prestasi mereka dalam jangka panjang.

Semalam, VSC juga melancarkan Pusat SMEASSIST yang membantu SME mengubah proses operasi dalaman bagi membolehkan mereka mendapat keputusan maksimum.

Ini termasuk melakarkan hala tuju perniagaan SME dalam pasaran luar negara serta melakarkan strategi kewangan dan pelaburan mereka.

Dengan pelancaran itu, Encik Nazri berharap dapatan kajian yang dilaksanakan VSC itu dapat membantu SME dalam pasaran setempat dan luar negara serta membantu mereka secara proaktif bagi merombak perniagaan mereka dalam kitaran kehidupan perniagaan.